

MAHATHIR - PETRONAS . 1984

KUALA LUMPUR, 18 MEI (BERNAMA) -- KERAJAAN TIADA MEMPUNYAI RANCANGAN UNTUK MENSWASTAKAN PETRONAS, PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI.

RASIONAL DI SEBALIK KONSEP PENSWASTAAN ADALAH UNTUK MERINGKANKAN SEBAHAGIAN DARI BEBAN KEWANGAN KERAJAAN, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN PERSIDANGAN PARA PENIMPIN PERNIAGAAN MENGENAI PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA DI SINI.

+PETRONAS BUKANLAH SATU BEBAN KEWANGAN KEPADA KERAJAAN+, BELIAU MENAMBAH.

STASBERMBAWA

SEKTOR SWASTA BAGAIMANAPUN BOLEH MENGAMBIL BAHAGIAN DI DALAM AKTIVITI HILIRAN PETROLEUM SEPERTI INDUSTRI-INDUSTRI BERASASKAN GAS ATAU BERKAITAN DENGAN GAS.

PERDANA MENTERI MENOLAK DAKWAAN KONONNYA KERAJAAN CUMA MENSWASTAKAN AGENSI-AGENSINYA YANG RUGI ATAU TIDAK MENDAPAT WANG.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA SISTEM PENERBANGAN MALAYSIA (MAS) SEDANG BERJALAN DENGAN BAIK TETAPI SUNGGUHPUN BEGITU KERAJAAN TELAH MENGAMBIL KEPUTUSAN UNTUK MENSWASTAKANNYA.

--LAGI 1359/AN

MAHATHIR-PETRONAS 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA SEMUA BADAN KERAJAAN YANG MENSWASTAKAN KEGIATANNYA AKAN DIKEHENDAKI MENGIKUT GARIS-GARIS PANDUAN YANG AKAN DIUMUMKAN TIDAK LAMA LAGI.

TERDAHULU DARI ITU, SEMASA BERDIALOG DENGAN PESERTA PERSIDANGAN DUA HARI ITU YANG TERDIRI DARI EKSEKUTIF- EKSEKUTIF PERNIAGAAN ATASAN, PERDANA MENTERI MENOLAK SYOR SUPAYA JAWATANKUASA PERINGKAT TINGGI MEWAKILI KERAJAAN DAN SEKTOR SWASTA DITUBUHKAN UNTUK MENYELIA PELAKSANAAN DASAR PENSWASTAAN DAN KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA.

KERAJAAN MENENTANG PANDANGAN BAGI MENUBUHKAN SATU BADAN ATAU JAWATANKUASA BAGI SETIAP DASAR BARU YANG DIJALANKANNYA, KATANYA.

BELIAU BERKATA BERBAGAI-BAGAI JENTERA YANG ADA SEKARANG ADALAH CUKUP UNTUK MENGENDALIKAN PELAKSANAAN DASAR-DASAR BARU.

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA KERAJAAN JUGA SEDANG DALAM PROSES MEMBUBARKAN BANYAK JAWATANKUASA DALAM AGENSI-AGENSI YANG TELAH KAKU. TETAPI BELIAU TIDAK MENYEBUT NAMA-NAMANYA.

SETENGAH-SETENGAH AGENSI ITU, KATANYA MUNGKIN JUGA DIGABUNGAN KE DALAM BADAN-BADAN YANG LEBIH BESAR DAN BERDAYAMAJU.

--BERNAMA 1604/AN